

1. Objektif Pendidikan Program (Program Educational Objective, PEO)

Jadual perbandingan PEO sedia ada dan cadangan baharu bagi program Sarjana Muda Komunikasi dengan Kepujian adalah seperti jadual berikut:

Bil	PEO Sedia Ada	PEO Baharu
1.	Graduan yang berilmu dan kompeten dalam bidang komunikasi.	Pengamal komunikasi dan media yang berkeupayaan menganalisis dan mengaplikasikan pengetahuan (PLO1) mendalam berkaitan bidang media dan komunikasi bagi merancang dan menyelesaikan masalah mengikut konteks media dan komunikasi (PLO2) sejajar dengan aspirasi pembangunan masyarakat lestari.
2.	Graduan yang sedia memikul tanggungjawab sosial serta memiliki nilai-nilai etika yang tinggi.	Pengamal komunikasi dan media yang berupaya merancang dan melaksanakan pelan komunikasi yang praktikal (PLO3) dengan mempamerkan kemahiran digital (PLO6) dan analisis data (PLO7) dalam membangunkan strategi komunikasi.
3.	Mentransformasikan proses pembelajaran komunikasi bagi menyumbang kepada pembangunan sosial, industri dan negara.	Pengamal komunikasi dan media yang berkeupayaan mengintegrasikan kemahiran komunikasi (PLO5) dan memikul tanggungjawab dalam kerja berpasukan secara berkesan (PLO4) serta mempamerkan gaya kepimpinan (PLO8) dalam menangani cabaran komunikasi, media dan pemegang taruh.
4.	Melahirkan graduan yang berkebolehan untuk menerajui industri komunikasi.	Pengamal komunikasi dan media yang berkebolehan mengembangkan potensi diri melalui pembelajaran berteraskan nilai secara berterusan (PLO9) dan kemahiran keusahawanan (PLO10) yang beretika dan profesional (PLO11) untuk kesejahteraan dan kelangsungan masyarakat.

2. Hasil Pembelajaran Program (Program Learning Outcome, PLO)

Jadual perbandingan PLO sedia ada dan cadangan baharu bagi kesemua program Sarjana Muda Komunikasi dengan Kepujian adalah seperti jadual berikut:

Bil	PLO Sedia Ada	PLO Baharu
1.	Memiliki pengetahuan dan pemahaman yang mendalam mengenai ilmu komunikasi.	Pelajar berupaya menganalisis secara sistematik pengetahuan lanjutan yang berkaitan dengan bidang media dan komunikasi.
2.	Memiliki kemahiran teknikal untuk menghasilkan produk-produk komunikasi.	Pelajar berupaya mencadangkan idea dengan menggunakan konsep komunikasi yang spesifik mengikut bidang pengkhususan untuk mencari penyelesaian dan membuat keputusan yang berkesan dalam bidang komunikasi dan media.
3.	Berupaya menjalankan penyelidikan, menganalisis dan menilai isu-isu berkaitan dengan bidang komunikasi.	Pelajar berupaya mengurus dan melaksanakan projek berorientasikan industri dalam bidang komunikasi dan media.
4.	Membentangkan idea dengan jelas, kreatif dan relevan.	Pelajar berupaya memikul tanggungjawab dalam kerja berpasukan dengan berkesan dan berfikiran ke hadapan dalam menceburi bidang komunikasi dan media
5.	Bersedia bekerja dalam pasukan, bertanggungjawab dan menunjukkan semangat kerjasama yang tinggi untuk mencapai objektif organisasi.	Pelajar berupaya mengintegrasikan pelbagai bentuk kemahiran komunikasi mengikut kesesuaian khalayak yang pelbagai dalam bidang komunikasi strategik dan media.
6.	Mempraktikkan nilai etika, moral dan profesionalisme dalam amalan komunikasi.	Pelajar berupaya mempamerkan literasi maklumat digital dan media melalui pelbagai konteks dalam bidang komunikasi dan media.
7.	Membangun dan memajukan bidang komunikasi menerusi penyelidikan, perundingan dan pembelajaran sepanjang hayat.	Pelajar berupaya mengaplikasikan analisis data yang sistematik dalam bidang komunikasi dan media.
8.	Mempunyai ciri-ciri keusahawanan dan berkebolehan untuk mengurus perniagaan dalam bidang komunikasi.	Pelajar berupaya mempamerkan gaya kepimpinan yang sesuai dalam kepelbagaian persekitaran dalam bidang komunikasi dan media.
9.	Memiliki kebolehan memimpin dan menerajui industri komunikasi.	Pelajar berupaya menghargai pembelajaran sepanjang hayat secara sendiri dan amalan pembangunan lestari dalam

Bil	PLO Sedia Ada	PLO Baru
		bidang komunikasi strategik media.
10.	Mempunyai kemahiran menggunakan pelbagai teknologi digital dan perisian yang relevan dalam bidang komunikasi.	Pelajar berupaya menyesuaikan kemahiran keusahawanan yang inovatif dalam bidang komunikasi dan media.
11.	Mempunyai kemahiran dalam menganalisis, menilai dan menginterpretasi data numerasi dan grafik berkaitan dengan bidang komunikasi.	Pelajar berupaya mengamalkan standard etika dan profesionalisme dalam bidang komunikasi dan media.